



SIARAN MEDIA

Untuk Siaran Segera

Great Eastern Takaful Rai Ulang Tahun Ke-14

Kekal teguh melindungi rakyat Malaysia melalui operasi perniagaan mampan

11 Disember 2024, Kuala Lumpur – Great Eastern Takaful Berhad (GETB), sebuah syarikat pengendali takaful keluarga yang turut merupakan salah satu peneraju industri takaful telah menyambut ulang tahun penubuhannya yang ke-14 pada 10 Disember 2024. Berpegang teguh kepada matlamatnya untuk membolehkan masyarakat saling membantu mereka yang memerlukan, Great Eastern Takaful terus mengorak langkah dalam menyediakan perlindungan kesihatan dan kewangan komprehensif kepada rakyat Malaysia di samping melakukan pelbagai usaha kelestarian demi manfaat bersama.

Diiktiraf sebagai Penyedia Penyelesaian Takaful Terbaik 2024 oleh Global Islamic Finance Awards (GIFA), Great Eastern Takaful turut memainkan peranan penting dalam merapatkan jurang perlindungan dalam kalangan rakyat Malaysia dan pada tahun 2024, kadar penembusan industri takaful telah menunjukkan peningkatan apabila ia mencapai 20%, mencerminkan penerimaan masyarakat akan keperluan perlindungan takaful.¹

Ketua Pegawai Eksekutif Great Eastern Takaful, Encik Shahrul Azlan Shahrman berkata, “Sebagai pengendali takaful keluarga yang amat prihatin akan keperluan lebih 1 juta pelanggan, kami setia melindungi mereka dan turut mementingkan keterangkuman pelbagai segmen masyarakat dalam penawaran produk dan perkhidmatan kami. Akses kepada perlindungan juga semakin mudah kerana segalanya boleh dilakukan secara dalam talian dan demi kesenangan para pelanggan, kami terus memperkukuh usaha digitalisasi yang bukan sahaja membantu mereka, malah ia memudahkan lebih 10,000 perunding takaful kami untuk berurusan secara lebih efisien.”

Beliau juga turut mengulas akan inisiatif keterangkuman yang telah dilaksanakan, “Adalah amat penting bagi kami untuk turut memberi perhatian kepada segmen masyarakat berpendapatan rendah (B40), dalam menyediakan peluang perlindungan buat mereka dan keluarga. Selain pelan perlindungan komprehensif, kami juga menawarkan produk mikrotakaful iaitu MikroSayang yang amat mampu milik di bawah inisiatif Perlindungan Tenang. Begitu juga dengan tanggungjawab Great Eastern Takaful sebagai badan pengurus skim perlindungan kesihatan percuma kerajaan, mySalam, yang mana aktiviti mempromosikan skim ini amat giat dijalankan. Terkini, kami akan memperluas perlindungan kesihatan dengan penambahan sebanyak lima penyakit kritikal baharu iaitu Penyakit Kulit Kronik, Penyakit Mental, Reumatologi, Thalassemia

¹ <https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2024/11/1321420/pertumbuhan-industri-takaful-seiring-momentum-ekonomi-malaysia>

Major serta Penyakit Jarang Jumpa bermula 1 Januari 2025. Sehingga kini, mySalam telah mencatat sejarah dengan hampir 2 juta tuntutan, memberi manfaat kepada lebih 1.35 juta rakyat Malaysia dengan pembayaran tuntutan melebihi RM1.08 billion. Aspek keterangkuman ini adalah sejajar dengan inisiatif Perantaraan Berasaskan Nilai untuk Takaful (VBIT), dan sudah semestinya seiring dengan strategi operasi perniagaan mampan kami.”

Great Eastern Takaful turut melangkah ke hadapan dalam usaha kelestarian alam sekitar menerusi pelbagai program tanggungjawab sosial korporatnya (CSR), terutamanya inisiatif kitar dan hasil semula yang efektif. Menerusi penganjuran GREAT KITAREcycle Challenge 2024 yang melibatkan sebanyak 60 buah sekolah dengan kerjasama sebuah syarikat konsesi, lebih 107 tan barangan kitar semula berjaya dikumpulkan dalam tempoh empat bulan menerusi salah satu kategori yang dipertandingkan iaitu pengumpulan barangan kitar semula. Program hasil semula (*upcycling*) juga diteruskan sebagai langkah penjagaan alam sekitar yang proaktif menerusi siri taklimat serta demonstrasi mesin hasil semula 2-dalam-1 yang menghasilkan barangan dengan fungsi baharu yang diperbuat daripada bahan plastik terpakai kepada lebih 12,500 individu termasuk para pelajar dan guru secara keseluruhannya.

Ulang tahun ke-14 ini turut diserikan dengan beberapa pengiktirafan termasuk Anugerah Inisiatif - Malaysia untuk Program Upcycling oleh ESGBusiness Awards 2024, Anugerah Majikan Terbaik Kincentric, serta memperoleh beberapa kemenangan daripada Anugerah Kecemerlangan Sumber Manusia 2024. Menerusi pencapaian ini, Great Eastern Takaful akan terus memperkukuh kedudukannya dalam industri sebagai syarikat pengendali takaful yang menitikberatkan kelestarian dalam setiap aspek pengoperasian perniagaannya dan kekal komited sebagai salah satu penyedia perlindungan takaful pilihan rakyat Malaysia.

-TAMAT-

MENGENAI GREAT EASTERN TAKAFUL BERHAD

Great Eastern Takaful Berhad adalah syarikat usaha sama antara i Great Capital Holdings Sdn Bhd (i-Great), anak syarikat Great Eastern Holdings Limited dan Koperasi Angkatan Tentera (M) Berhad. Sejak ditubuhkan pada tahun 2010, Great Eastern Takaful komited dalam menyediakan produk perlindungan takaful keluarga komprehensif yang memberi perlindungan kesihatan dan kewangan patuh syariah dalam usahanya untuk merapatkan jurang perlindungan di kalangan rakyat Malaysia, termasuk kumpulan berpendapatan rendah (B40). Menzahirkan pendekatan Takaful untuk Semua, operasi perniagaan GETB disokong oleh pelbagai saluran pengedaran, rakan perniagaan korporat dan perbankan untuk terus mengukuhkan kedudukannya dalam industri dan memenuhi keperluan perlindungan para pelanggan.

Melangkaui operasi perniagaan, Great Eastern Takaful juga giat menjalankan pelbagai inisiatif tanggungjawab sosial yang memfokuskan pendidikan (GET-Pintar), pembangunan komuniti (GET-Care) dan kelestarian alam sekitar (GET-Green) demi membantu masyarakat memperoleh kualiti hidup yang lebih baik.

Aspirasi Great Eastern Takaful untuk mencapai kejayaan bersama rakyat Malaysia adalah terbukti melalui pelbagai anugerah dan pengiktirafan tempatan dan antarabangsa. Antara pengiktirafan terkini adalah anugerah “Pengendali Takaful Terbaik Malaysia 2022” oleh Global Business Outlook Awards dan pada tahun 2023, Great Eastern Takaful diiktiraf sebagai “Most Valuable Brand – Takaful Solutions” oleh The BrandLaureate BestBrands Awards, “Penyedia Penyelesaian Takaful Terbaik” oleh

Global Islamic Finance Awards (GIFA) serta pelbagai anugerah Takaful Star Awards oleh Persatuan Takaful Malaysia. Tahun 2024 menyaksikan Great Eastern Takaful diperakui sebagai “Majikan Terbaik” oleh Anugerah Majikan Terbaik Kincentric, dianugerahkan sebagai “Penyedia Penyelesaian Takaful Terbaik” oleh Global Islamic Finance Awards (GIFA), diiktiraf dengan “Anugerah Inisiatif – Upcycling” oleh ESGBusiness Awards di samping menerima beberapa anugerah lain daripada HR Excellence Awards 2024. Untuk maklumat lanjut, sila layari www.greateastertakaful.com

Pihak Kerajaan juga telah melantik Great Eastern Takaful sebagai pengurus skim mySalam, yang merupakan skim perlindungan kesihatan nasional yang dikawalselia oleh Bank Negara Malaysia.

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:

Mastura Abd Rahim
Penolong Naib Presiden – Penjenamaan & Komunikasi Korporat
Great Eastern Takaful Berhad
Tel: +6016 - 209 234
E-mel: MasturaAbdRahim@greateastertakaful.com